

04/07/2001

Pindaan perlembagaan isu pematuhan atau paksaan?

Veena Rusli

"TANPA perspektif yang betul, kita akan menjadi penentang yang keliru, yang dikhuatiri tidak tahu apa yang ditentangnya," kata Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, mengakhiri ucapan ketika membentangkan usul pindaan Undang-Undang Tubuh Kelantan di Dewan Undangan Negeri (DUN) pada 25 Jun lalu.

Berlatar belakang pemeriksaan ketat di pintu masuk ke Kota Darul Naim, perhimpunan aman anjuran sebuah badan bukan kerajaan (NGO) tidak sampai setengah kilometer dari pejabat pentadbiran negeri dan dengan linangan air mata Nik Aziz, pindaan perlembagaan negeri akhirnya terlaksana.

Jika senario ini disamakan dengan pertarungan tinju, kerajaan Pas Kelantan nampaknya memenangi pusingan pertama, sekalipun muka tampak lebam dan calar-balar kesan tinggalan perjuangan dalam menepis asakan lawan.

Persoalan sama ada Sultan Kelantan ingin menandatangani pindaan itu atau sebaliknya seolah-olah bukan perkara utama melintasi pemikiran Nik Aziz kerana apa yang lebih penting ialah amanah rakyat sudah dilunaskan, sekalipun di celah tentangan segelintir pihak.

Semua ini adalah cerita lama di Kelantan yang kini ditampilkan dalam versi baru dengan penyudah berbeza.

Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 1993 membabitkan penghapusan kekebalan raja-raja dari segi undang-undang, perkara berkaitan hasutan dan kuasa mengampun diluluskan di Persidangan Khas Dewan Rakyat pada 1993.

Berikutan itu, semua negeri kecuali Kelantan meminda Perlembagaan Negeri untuk diselaraskan dengan Perlembagaan Persekutuan.

Dalam kenyataannya ketika itu, Nik Abdul Aziz berkata, Kelantan tidak bersetuju dengan pindaan berkenaan kerana tidak menepati kehendak Islam, manakala Istana Kelantan mendakwa, keputusan Majlis Raja-Raja berhubung Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 1993 pada 11 Februari 1993 tidak sah serta tidak mengikut prosedur ditetapkan.

Sepantas ombak mengubah pantai, begitu juga dengan pendirian kepimpinan Pas Kelantan. Ketika retak mula membelah ikatan Angkatan Perpaduan Ummah (Apu), terutama antara Pas dan Parti Melayu Semangat 46 (S46), Pas tangkas mengambil kesempatan untuk menempa nama.

Pada 26 April 1996, Nik Abdul Aziz mengumumkan kerajaan Pas Kelantan akan meminda perlembagaan negeri bagi menghadkan kuasa Sultan, sekali gus menerima pakai peruntukan dalam pindaan Perlembagaan Persekutuan yang dilakukan pada 1993.

Isu campur tangan istana dalam urusan pentadbiran negeri meletus apabila Dewan Pemuda Pas Kota Bharu pada mesyuarat agungnya 12 April 1996 meluluskan usul meminta kerajaan negeri mengkaji dan mengawal pembabitan istana.

Ini diikuti Dewan Pemuda Pas Pasir Mas yang bermesyuarat seminggu selepas itu dan meluluskan usul mendesak tindakan tegas diambil terhadap segelintir pegawai kanan yang dikatakan mempergunakan istana untuk campur tangan dalam pentadbiran dan pelaksanaan dasar kerajaan negeri.

Apabila Pas membuka silat, S46 pantas menyambut dan dengan nada keras, Presiden S46 (ketika itu), Tengku Razaleigh Hamzah, berkata parti itu akan menentang cadangan meminda perlembagaan negeri habis-habisan.

Senyum Nik Aziz melebar apabila Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Umno akan memberi persetujuan cadangan kerajaan Pas Kelantan untuk menerima pakai Perlembagaan Persekutuan bagi menghadkan kuasa raja jika ia sesuai dengan pendirian parti.

Sebagai membuktikan tekadnya, kerajaan negeri menubuhkan Jawatankuasa Draf Pindaan Perlembagaan Bagi Mengehadkan Kuasa Sultan pada Jun 1996 yang dipengerusikan Timbalan Menteri Besar, Abdul Halim Abdul Rahman (kini Datuk), manakala Nik Abdul Aziz bertindak sebagai penasihat dengan 10 ahli, termasuk dua wakil Dewan Pemuda Pas Kelantan.

Pindaan itu gagal dilaksanakan berikutan tiada sokongan dua pertiga majoriti kerana Pas hanya mempunyai 24 kerusi, kurang lima daripada yang diperlukan. S46 menguasai 12 kerusi, manakala Barisan Nasional (BN), tujuh.

Pembubaran S46 pada Oktober 1996 dengan sendirinya memisahkan komponen Apu, sekali gus meredakan isu pindaan perlembagaan negeri hinggalah lima tahun kemudian.

Isunya kini, apakah pindaan itu boleh diterjemahkan sebagai pematuhan terhadap apa yang dilakukan Kerajaan Persekutuan pada 1993 atau sekadar satu bentuk paksaan demi mempertahankan dasar kepemimpinan ulama di negeri Serambi Mekah?

Lebih utama, berapa ramaikah sebenarnya yang benar-benar memahami signifikansi pindaan terhadap Perkara 15 dan 39 Bahagian Pertama Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kelantan bagi diselaraskan dengan Jadual Kelapan Perlembagaan Persekutuan?

Apakah pelaksanaan pindaan itu - jika diperkenan Sultan untuk pewartaan - akan menyaksikan Kerajaan Kelantan sewenang-wenangnya meminda perlembagaan negeri selepas ini dan memberi nasihat yang menguntungkan kepemimpinan Pas?

Perkara 15(1) Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kelantan menyatakan Sultan dalam menjalankan tanggungjawabnya mesti bertindak atas nasihat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) atau seseorang ahlinya yang bertindak di bawah kuasa am majlis itu.

Pindaan itu menyeragamkannya dengan Seksyen 1(1A) Jadual Kelapan Perlembagaan Persekutuan iaitu jika Raja dikehendaki bertindak mengikut nasihat atau atas nasihat, maka Raja hendaklah menerima dan bertindak mengikut nasihat itu.

Pindaan kedua menyentuh Perkara 39(2) Bahagian Pertama perlembagaan negeri yang menyebut tiada sesuatu rang undang-undang atau pindaan yang membabitkan perbelanjaan daripada Kumpulanwang Disatukan bagi negeri boleh dikemukakan atau dicadangkan dalam Dewan Negeri kecuali oleh seorang Exco.

Perlembagaan negeri diselaraskan dengan Seksyen 11(2A) Jadual Kelapan yang menyebut Raja hendaklah dalam masa 30 hari selepas sesuatu rang undang-undang dikemukakan kepada baginda memperkenankan rang undang-undang itu.

Mengikut Seksyen 11(2B), jika sesuatu rang undang-undang tidak diperkenankan oleh Raja dalam masa yang ditentukan dalam subseksyen (2A), rang undang-undang itu hendaklah menjadi undang-undang apabila habis masa yang ditentukan dalam subseksyen itu mengikut cara yang sama seolah-olah baginda telah memperkenankannya.

Persetujuan pindaan itu tidak membabitkan kehadiran dua wakil rakyat BN, Nozula Mat Diah (Paloh) dan Mohamed Saufi Deraman (Galas), yang berpendapat persidangan berkenaan sebagai 'haram' kerana tidak mendapat pekenan Sultan.

Dua hari kemudian, Pengerusi Jawatankuasa Pentadbiran Awam, Kerajaan Tempatan dan Pembangunan Wilayah, Takiyuddin Hassan, menjelaskan persidangan itu diperkenankan Sultan menerusi surat yang ditandatangani baginda bertarikh 16 Jun.

Beliau mengakui tindakan merahsiakan pekenan itu adalah sebahagian daripada strategi kerajaan negeri untuk melihat kenyataan dan pandangan pihak yang cuba mempertikaikan status persidangan terbabit.

Logiknya ia dituju kepada Nozula dan Mohamed Saufi yang dianggap

`ponteng' kerana tidak membuat makluman kepada Speaker DUN, Wan Abdul Rahim Abdullah.

Ketua Dewan Pemuda Pas Kelantan yang memiliki latar belakang perundangan itu juga adalah antara `tonggak utama' yang lantang bersuara berhubung isu pindaan perlembagaan negeri. Ini kerana isu penarikan pingat oleh Sultan membabitkan Takiyuddin dan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam dan Dakwah, Mohamad Daud, awal tahun ini dilihat turut menyumbang ke arah kesungguhan kerajaan negeri meminda perlembagaan.

Dari pandangan mata kasar, kelihatan semacam ada unsur sinis dalam kenyataan Nik Aziz pada sidang media selepas selesai persidangan DUN 25 Jun lalu. "(Kini) terserah kepada Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku (untuk memberi perkenan). Kalau Tuanku tidak mahu menjejaskan hubungan dengan rakyat, Insya-Allah, Tuanku terima (pindaan) dengan hati terbuka dan rakyat akan junjung kasih Tuanku dengan sepenuh hati," katanya.

Apakah Nik Aziz cuba bermain api apabila dilihat secara berlapik bagai mengeluarkan kata dua terhadap Sultan Kelantan - perkenankan pindaan atau hadapi kemungkinan rakyat memalingkan kesetiaan?

Pemerhati politik berkata, rata-rata rakyat Kelantan masih melihat institusi istana sebagai lambang kemuliaan yang harus terus dipelihara.

"Pada masa sama, penyokong Pas turut menganggap Nik Aziz secara peribadi sebagai sebuah `institusi' berdasarkan kedudukannya selaku ulama, tok guru dan pemimpin tertinggi parti," katanya.

Sebagai ketua kerajaan, beliau memang tidak mempunyai banyak pilihan selain `menarik rambut dalam tepung, rambut jangan putus dan tepung tidak berselerak'.

Tafsiran mudahnya, Nik Aziz dengan segala rendah hati memohon pindaan yang terlewat hampir sedekad itu diperkenankan tanpa menjejaskan hubungan antara Istana dengan kerajaan negeri.

Dalam ucapan sama, beliau mengakui wujud pelbagai kekaburan dan kesamaran yang menyebabkan istana adakalanya dilihat kerap melanggari sempadan hak kuasa eksklusif kerajaan yang dipilih secara sah oleh rakyat.

"Secara sengaja atau tidak, semua itu menimbulkan gangguan, ketegangan dan krisis yang tidak menguntungkan," katanya.

Walaupun berkias, yang tersirat di hatinya terlalu mudah dibaca. Sebagai Menteri Besar, beliau jelas tidak menyenangi sebarang bentuk campur tangan istana dalam aspek pentadbiran negeri - keadaan yang seolah-olah mencabar kewibawaan barisan kepimpinan negeri.

Pengakuan terbuka itu bercanggah dengan kenyataan bekas Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Wan Hashim Wan Daud, ketika ditemui media empat hari sebelum persaraannya pada 23 Jun lalu.

Ditanya setakat mana kebenaran dakwaan istana cuba mencampuri urusan pentadbiran kerajaan negeri, beliau berkata: "Tidak, pihak istana tidak pernah campur tangan. Kata orang, tak kenal maka tak cinta, jadi apabila orang tak kenal (institusi) istana, maka orang tak faham apa yang berlaku."

Tengku Razaleigh ketika berucap pada majlis 'Penjelasan Mengenai Pindaan Perlembagaan' anjuran Majlis Tindakan Rakyat Kelantan di Kota Bharu malam kelmarin, berkata: "Pindaan itu tidak bermakna tanpa tanda tangan Sultan."

Selepas hampir 11 tahun memegang tampuk pemerintahan Kelantan, benarkah kepemimpinan Mursyidul Am Pas itu tidak mengenali hati budi pihak istana? Atau apakah perkara sebaliknya berlaku?

Pemerhati senario politik di negeri ini berpendapat, jika benar wujud keikhlasan, Nik Aziz wajar menyatakan satu persatu `campur tangan istana dalam pentadbiran' seperti didakwa supaya semua pihak, khususnya rakyat dapat melihat rasional di sebalik pindaan perlembagaan.

"Perlu juga diterangkan, apakah pindaan yang terzahir baru-baru ini menepati kehendak Islam seperti mana yang dimahukan beliau memandangkan

penolakan lapan tahun lalu adalah kerana pindaan (peringkat Persekutuan) tidak memenuhi syarat itu," katanya.

Dalam seminggu selepas sidang DUN pada 25 Jun lalu, pihak istana belum membuat sebarang kenyataan rasmi berhubung pindaan itu kerana Sultan dilaporkan berada di luar negara dan baru pulang ke Kota Bharu semalam.

Pada masa yang dianggap sesuai, pemerhati politik turut berkongsi pandangan bahawa ada baiknya jika pihak istana `bersuara' bagi memberi gambaran pendirian terhadap tindakan kerajaan pimpinan Nik Aziz meminda perlembagaan negeri.

Mengulas tindakan segelintir pihak menguruskan soal kenaikan pangkat dan pertukaran pegawai negeri tanpa pengetahuannya, Nik Aziz berkata di Dewan Negeri: "Saya menelan pahit hempedu bersekali dengan bisa-bisanya dan saya tidak merungut kepada sesiapa."

Mungkinkah akan ada `penawar bisa' menjelma dalam sehari dua ini, seperti mana kiasan lama `kalau sudi katakan sudi, tidak hamba ternanti-nanti'? Hanya masa menyimpan segala jawapannya.

(END)